

02 OCT 1998

JANGAN SIBUK SPEKULASI TPM BARU, TUMPU PEMULIHAN EKONOMI -- RAFIDAH

KUALA KANGSAR, 2 Okt (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mengingatkan rakyat terutama anggota Umno supaya jangan terlampau membuat telahan mengenai siapa akan "naik atau pergi" dalam tampuk pemerintahan.

Sebaliknya mereka hendaklah membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara, katanya.

Beliau berkata mereka yang berasa layak untuk menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri yang kini kosong ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sepatutnya membiarkan takdir yang menentukannya.

Mereka perlu sedar semuanya dalam kuasa Tuhan yang akan menentukan siapa yang layak atau tidak, katanya.

Oleh itu, perhatian harus diberikan kepada usaha mengukuhkan parti, kerajaan dan negara terutama dalam mengatasi masalah kegawatan ekonomi pada masa ini, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Keluarga Kemas Malaysia cawangan Perak di sini hari ini.

Katanya, tidak ada gunanya jika mereka yang layak untuk menjadi TPM merebut-rebut jawatan itu jika keadaan ekonomi negara kucar-kacir.

"Rakyat patut menumpu perhatian dalam membantu menyelesaikan masalah ekonomi dan mengatasi pelbagai halangan dan masalah berkaitan dengannya, daripada membuat telahan siapa yang akan dipilih," katanya.

"Tidak ada gunannya lobi-melobi bagi mereka yang layak kerana ini akan menimbulkan masalah kemudian hari," katanya.

Beliau mengingatkan anggota Umno supaya jangan melayan nafsu dan perasaan hingga sanggup melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya untuk menjawat jawatan tersebut.

Anggota Umno perlu tunggu dan lihat bila masanya sampai bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad digerakkan hatinya untuk membuat pengumuman dan sokonglah sesiapa sahaja yang dilantik nanti, katanya.

-- BERNAMA

HK NMO